BAB V

KESIMPULAN

Kesultanan Melayu-Bugis di Selangor ialah sebuah kerajaan Melayu yang "baru" berbanding kerajaan-kerajaan Melayu tradisional yang lain di Tanah Melayu. Kesultanan ini diasaskan oleh Raja Lumu Ibni Daeng Celak, (Daeng Celak ialah salah seorang daripada Opu lima bersaudara, empat yang lain iaitu Daeng Parani, Daeng Merewah, Daeng Menambun dan Daeng Kemasi) yang kemudiannya ditabalkan sebagai Sultan Selangor oleh Sultan Perak dengan gelaran Sultan Salehuddin pada tahun 1766.

Pemilihan Sultan Perak ini kerana kesultanan ini diakui sebagai titisan zuriat Kesultanan Melayu Melaka yang dianggap mempunyai daulat dari sumber yang sah. Untuk menjadi sultan di Tanah Melayu, Raja Lumu yang berketurunan Bugis perlu akur dengan adat tradisi raja-raja Melayu supaya kerajaan yang didirikannya itu diakui kedaulatannya oleh semua raja-raja Melayu.

Kejayaan Kesultanan Melayu-Bugis memerintah negeri Selangor sehingga berjaya membentuk sebuah entiti politik yang berdaulat sehingga sekarang kerana beberapa faktor iaitu

1. Orang-orang Bugis khususnya Opu lima bersaudara mempunyai sifat-sifat positif yang mampu menggerakkan mereka maju ke hadapan seperti *siri'*, *pece* dan *were* di samping mempunyai kepakaran dalam penggunaan senjata dan mahir dalam strategi peperangan.

2. Kesultanan Melayu-Bugis di Selangor ini mewarisi kebijaksanaan berpolitik datuk moyangnya Opu lima bersaudara khususnya Raja Lumu/Sultan Salehuddin dan Sultan Ibrahim sehingga dapat mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah negeri berdaulat. Pengukuhan politik ini dilakukan melalui hubungan diplomatik dengan ikatan perkahwinan dengan raja-raja Melayu atau sebagai pendamai kepada dua pihak yang berbalah juga melalui peperangan untuk meluaskan kuasa dan pengaruh.

3. Walaupun orang-orang Bugis ini bukan dari keturunan Melayu tetapi kebijaksanaan mereka mengasimilasikan diri dalam kehidupan dan kebudayaan Melayu serta mempunyai kewibawaan sebagai pemimpin menyebabkan mereka mudah diterima oleh masyarakat tempatan.

Dalam kajian ini, penulis telah menyelidik tentang peranan Kesultanan Melayu-Bugis ini terhadap perkembangan Islam di Selangor dan memfokuskan kajian hanya mulai tahun 1766 iaitu tahun diasaskan kesultanan ini sehingga tahun 1957 iaitu tahun sebelum Selangor bersama Tanah Melayu merdeka dari penjajahan Inggeris. Dalam tempoh sepanjang 191 tahun berdirinya Kesultanan Melayu-Bugis ini, penulis telah merumuskan bahawa pemerintahan kesultanan ini telah melalui dua zaman iaitu zaman pemerintahan mutlak Kesultanan Melayu-Bugis dan zaman pemerintahan kesultanan ini di bawah pengaruh penjajah.

Peranan utama yang dimainkan oleh Kesultanan Melayu-Bugis terhadap perkembangan Islam di Selangor ialah sebagai ketua agama Islam. Sama ada di era

pemerintahan mutlaknya atau di era penjajah, Kesultanan Melayu-Bugis ini amat prihatin terhadap kemajuan dan perkembangan Islam di dalam kehidupan rakyatnya.

Tanggung jawab paling berat sebagai ketua agama Islam ialah melaksanakan amanah sebagai khalifah Allah di bumi iaitu orang yang diberi amanah untuk memakmurkan bumi selaras dengan kehendak Allah. Khalifah di sini dalam konteks pemerintahan beraja Islam sama seperti kerajaan Mamluk di Mesir pada zaman kerajaan Bani Abbasiah dan kerajaan Othmaniyah di Turki dari kurun ke-10M hingga ke-20M. Proses pertabalan yang dilakukan oleh Raja Lumu itu adalah suatu simbol untuk meletakkan diri dan kerajaan yang baginda hendak bina itu sebagai pemegang amanah Allah yang diakui di bumi Selangor.

Kesultanan Melayu-Bugis ini telah berjaya melaksanakan peranannya sebagai khalifah Allah dengan baik, sama ada pembangunan fizikal iaitu dalam bidang pemerintahan, ekonomi dan pertanian, juga dalam bidang kerohanian. Kenyataan ini bertepatan dengan pendapat Sayid Sābiq[328], iaitu seorang ketua negara itu bertanggung jawab penuh terhadap keamanan dan kestabilan negara sehingga setiap jiwa merasakan terlindung dan aman damai – aman agamanya, aman harta benda, bebas bersuara sehingga hak asasi manusia dapat dipenuhi dan hukum Allah juga ditegakkan. Selain itu, pemimpin juga hendaklah mengadakan projek-projek yang mampu memberi rangsangan terhadap kemajuan rakyat dari segi spritual mahupun material.

---

[328] Sayīd Sābiq (1973), *'Anāsir al-Qūwwah fī al-Islām*, c.2, Beirūt: Dar al-Kitāb al-Arabīy, h. 201

Sebagai ketua agama Islam, seseorang pemimpin itu juga perlu memiliki sifat-sifat mulia sebagai teladan kepada rakyatnya. Daripada penelitian yang dibuat, jelas bahawa Sultan-sultan Selangor dari Sultan Salehuddin sehingga Sultan Hisamuddin Alam Shah, diakui mempunyai sifat-sifat mulia seperti berani, jujur, kuat pendirian, berkemampuan dan berwibawa. Tanpa sifat-sifat ini baginda sultan tidak mampu melaksanakan tugasnya dengan baik mengikut apa yang telah ditetapkan oleh Allah. Sultan itu adalah bayangan Allah di alam ini.

Peranan Kesultanan Melayu Bugis terhadap perkembangan Islam di Selangor di zaman penjajah adalah lebih jelas berbanding di zaman pemerintahan mutlak kesultanan ini. Penggunaan perkataan "jelas" di sini, penulis merujuk kepada suatu yang dilaksanakan secara berorganisasi dan lebih sistematik.

Di zaman penjajah, bidang kuasa sultan terbatas hanya kepada hal ehwal Islam dan adat istiadat Melayu sahaja. Hal ehwal Islam ini pula hanya merujuk kepada undang-undang keluarga sahaja – *personal law*, sedangkan urusan pemerintahan negeri yang lain dipegang oleh Inggeris. Disebabkan bidang itu sahaja yang diperuntukkan kepada mereka, maka para sultan telah memaksimumkan peranan mereka untuk memajukan hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam asalkan ia tidak bertentangan dengan prinsip penjajah.

Kita lihat pada zaman penjajah itu, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor digubal. Pendidikan rakyat secara formal juga menjadi salah satu aspek penting yang diberi tumpuan oleh sultan-sultan Selangor. Rakyat diberi alternatif

sama ada mendapat pendidikan di sekolah venakular ataupun di sekolah-sekolah agama/arab, ada di antaranya yang dibiayai oleh sultan sendiri seperti sekolah Mart'a al-'Ulūm al-Dinyyah dan Kolej Islam Malaya.

Pada zaman pemerintahan mutlak Kesultanan Melayu-Bugis di Selangor, aspek-aspek seperti undang-undang kenegaraan dan pendidikan juga ada dalam agenda pemerintahan mereka. Namun ia ditadbir secara tradisional sebagaimana yang diwarisi dari nenek moyang mereka sejak dari Kesultanan Melayu Melaka. Manakala pendidikan pula, mengikut adat kebiasaan Melayu bukanlah kewajipan pemerintah tetapi tanggung jawab ibu bapa. Namun begitu sultan tetap menggalakkan rakyat menimba ilmu dengan memberi teladan kepada rakyat dengan sikap suka mendampingi ulama untuk mendapatkan ilmu.

Sikap menyintai ulama yang diamalkan oleh sultan-sultan Selangor dan sering meminta nasihat daripada mereka, menyebabkan, baginda-baginda sultan sentiasa sedar akan tanggung jawab dan peranan mereka terhadap rakyat dan agama. Di samping itu kebanyakan sultan-sultan Selangor pengamal ilmu Tasawuf sehingga melahirkan sultan yang warak dan layak memberi khutbah Jumaat.

Oleh kerana itu kejayaan sultan-sultan Selangor ini melaksanakan tanggung jawab menyemarak dan memantapkan perkembangan Islam di negeri ini sebenarnya di atas bantuan dan nasihat golongan ulama, khususnya dalam bidang pendidikan. Namun begitu ulama ini bukanlah ulama tempatan tetapi dijemput dari luar seperti Sheikhul Islam Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdul Rahman dan Dato' Hj

Ismail Tamim Abdul Aziz kedua-duanya dari Mekah. Keadaan ini berlaku kerana negeri Selangor belum mampu untuk melahirkan golongan cendekiawan.

Keprihatinan sultan-sultan Selangor terhadap kemajuan agama Islam di Selangor itulah yang menjadikan agama Islam terus terpelihara dan kekal menjadi pegangan akidah rakyatnya sehingga ke hari ini. Jika diteliti pandangan sejarawan Barat kita akan dapati bahawa kolonial Inggeris tidak begitu endah dan longgar terhadap agama Islam di Tanah Melayu dan Selangor khususnya berbanding di India dan di Ceylon. Dasar penjajahan Inggeris di kedua-dua negara itu berjaya mengubah bukan sahaja bahasa pertuturan tetapi juga akidah anak negara jajahannya itu.[329] Manakala pendapat sejarawan tempatan, mereka berpendapat bahawa kolonial Inggeris telah campur tangan dalam urusan agama Islam dan ini telah mencabuli isi Perjanjian Pangkor di mana agama Islam dan adat istiadat Melayu adalah hak sultan.

Penulis pula berpendapat kedua-dua pendapat ini boleh diterima. Pendapat orientalis barat bahawa kolonial Inggeris tidak menghiraukan perkembangan Islam di Selangor dan di Tanah Melayu walaupun hakikatnya mereka telah mencampuri urusan yang bukan bidang kuasa mereka. Jika dibandingkan dengan dasar penjajahan Inggeris di India dan Ceylon sememangnya Inggeris lebih lembut di Selangor dan Tanah Melayu. Ini adalah kerana penerimaan raja-raja Melayu terhadap pentadbiran Inggeris.

Dalam pada itu, Sultan-sultan Selangor sedar dan berusaha menaikkan taraf pentadbiran hal ehwal Islam supaya seiring dengan kemajuan negeri. Kesannya

---

[329] Willer T.F(1975), "Religious Administrative Development in Colonial Malay States 1874-1941" (Ph.D Dissertation , University of Michigan), h.74

agama Islam semakin kukuh dan ditadbir secara sistematik manakala orang-orang Melayu tiada yang murtad. Keadaan ini berlaku adalah kesan daripada keteguhan iman dan keprihatinan terhadap agama Islam dalam diri Sultan-sultan Selangor.

Saranan

Kajian tentang sejarah silam sebenarnya dapat dijadikan iktibar dan panduan berguna oleh generasi akan datang. Kajian ini juga dilakukan adalah kerana rasa tanggung jawab untuk mencari kebenaran terhadap sejarah tanah air yang sering dilihat daripada perspektif barat yang kadang kala *bias*. Oleh itu penulis mengemukakan beberapa saranan iaitu:

1. Kajian sejarah tentang negeri Selangor khususnya dari perspektif tempatan amat kurang. Oleh itu suatu kajian bersepadu perlu dilakukan melibatkan Lembaga Muzium Negeri Selangor, Persatuan Sejarah Selangor dan NGO yang berminat. Kerajaan Negeri Selangor pula diharap dapat menyalurkan bantuan kewangan untuk projek-projek seperti ini. Penemuan-penemuan sumber sejarah baru berkemungkinan dapat menilai semula fakta sejarah yang sedia ada dan membentuk satu pandangan baru tentang negeri Selangor terutama yang berkaitan dengan Islam.

2. Menyemarakkan semula pengajian ilmu Tasawuf di semua peringkat, di kalangan rakyat mahupun pemerintah supaya agama Islam dapat diamalkan

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

dengan lebih baik malah akhlak dan moral masyarakat dapat di perbaiki. Telah terbukti bahawa penyebaran dan kemajuan Islam di seluruh pelusuk alam Melayu dari abad ke-15M hingga abad ke19M adalah melalui ilmu Tasawuf.

3. Mengembalikan kedudukan institusi sultan/raja sebagai khalifah Allah di bumi yang berperanan sebagai payung tempat rakyat berlindung khususnya bangsa Melayu yang sering dirujuk sebagai Muslim. Sultan juga ialah ketua agama Islam, akan bertindak melindungi Islam dan umatnya daripada sebarang pencerobohan. Jika terhapus institusi kesultanan Melayu, akan pincanglah bangsa Melayu, tergugatlah jati dirinya dan terdedahlah agama Islam kepada pelbagai serangan musuh yang menggugat akidah rakyat negeri Selangor.